

MASALAH PEMAKANAN:

Anda digalakkan untuk makan makanan yang berkhasiat. Ini akan membantu proses pemulihan. Jika anda tidak boleh menelan kerana makanan itu keras atau sakit, cuba makanan yang lembut atau minum banyak jus atau makanan dalam bentuk cecair. Walaupun anda kurang selera makan, cuba amalkan makanan seimbang terutama protein dan karbohidrat untuk memulihkan tenaga dan membaiki tisu-tisu yang rosak.

CADANGAN RAWATAN UNTUK MASALAH KEPALA DAN LEHER

Untuk masalah yang dihadapi yang melibatkan radiasi bahagian kepala dan leher adalah seperti berikut:

- 1 . Elakan makanan yang keras dan pedas.
- 2 . Jangan merokok, menyuntil tembakau atau minum minuman beralkohol.
- 3 . Jauhkan makan yang bergula yang akan mengalakkan gigi rosak.
- 4 . Selalu bersihkan gigi dan mulut selepas makan.
- 5 . Jangan gunakan ubat kumur-kumur yang beralkohol kerana ia akan membuat mukosa lebih kering dan senang luka.
- 6 . Kepada yang menggunakan gigi palsu, harap berhati-hati terutama jika ianya

tidak muat. Ini disebabkan semasa radiasi akan menyebabkan gusi bengkak. Memaksa penggunaan gigi palsu akan menyebabkan gusi luka dan senang mendapat jangkitan kuman. Anda patut tidak menggunakan gigi palsu sehingga rawatan selesai.

KESAN SAMPING PADA DARAH:

Radioterapi boleh menyebabkan kurang sel darah putih dan platelet. Sel darah ini membantu untuk melawan penyakit dan pemberhentian pendarahan. Rawatan mungkin dilewatkan sekiranya ada kekurangan sel darah ini.

Perasaan sedih, takut, marah, kecewa, tak ada harapan dan terpinggir adalah lumrah dikalangan pesakit kanser. Radioterapi sendiri boleh menyebabkan keletihan. Anda dinasihatkan tabah menghadapinya dan berfikiran positif untuk melawan kanser.

*JIKA ORANG LAIN BOLEH,
KENAPA TIDAK PADA KITA.*

**JABATAN PEMBEDAHAN
OTORINOLARINGOLOGI,
KEPALA DAN LEHER HOSPITAL
MELAKA.**

**JALAN MUFTI HAJI KHALIL,
75400, MELAKA**

TEL: 06 -2892693/ 2694

RADIOTHERAPY



**JABATAN PEMBEDAHAN
OTORINOLARINGOLOGI
KEPALA DAN LEHER
HOSPITAL MELAKA**

APAKAH RAWATAN RADIOTHERAPI.

Radiasi adalah sejenis tenaga yang dipancarkan oleh bahan radioaktif. Contoh penggunaan radiasi yang mudah ialah X-Ray. Tenaga radiasi yang tinggi digunakan untuk mengubati penyakit kanser. Ianya dikenali sebagai pengubatan radiasi atau Radiotherapi.

BAGAIMANA RADIOTHERAPI BERFUNGSI?

Pancaran radiasi yang tinggi boleh membunuh sel atau menghentikan pertumbuhan. Ini sangat berguna didalam mengubati sel kanser kerana mereka tumbuh pada kadar yang cepat. Walaupun segelintir sel normal terlibat, tetapi ia pulih lebih cepat daripada sel kanser. Doktor biasanya menghadkan tahap pendedahan radiasi pada pesakit supaya hanya sel kanser saja yang dibunuh.

BOLEHKAH RADIOTHERAPI MENYEMBUHKAN?

Radioterapi telah lama digunakan (Lebih 20 tahun) dan peratusan pesakit kanser telah pulih adalah tinggi samada menerima rawatan secara persendirian, kombinasi bersama pembedahan, kimoterapi atau terapi biologi.

Selain memulihkan pesakit kanser, ia juga boleh mengurangkan kesakitan akibat pesakit kanser. Ini dikenali sebagai rawatan paliatif.

APAKAH RISIKO YANG TERLIBAT?

Sebagaimana rawatan lain, radioterapi juga mempunyai risiko tersendiri atau kesan samping. Secara dasarnya, pancaran radiasi yang tinggi akan menyebabkan kerosakan atau kematian pada sel kanser. Selain itu sel normal juga akan terkesan atau mati. Ini bergantung pada tempat yang ditumpu seperti bahagian mata dan telinga. Kulit juga mungkin terbakar akibat kesan radiasi.

Doktor akan menerangkan pada anda lebih lanjut masalah yang anda akan hadapi bagi mengurangkan risiko ini.

BAGAIMANA RADIOTHERAPI INI DIBERI?

Radioterapi boleh diberi melalui 2 cara; eksternal atau internal. Eksternal radioterapi biasanya pesakit tidak perlu masuk wad. Pancaran radiasi diberi melalui linear accelerator target kepada bahagian kanser yang perlu. Topeng akan diletakan supaya bahagian lain tidak terlibat. Rawatan ini akan diulang sebanyak beberapa kali mengikut dos yang diberi.

Rawatan secara internal, berkemungkinan anda akan dimasukkan kewad. Satu alat akan dimasukkan dalam badan.sebelum radiasi dipancarkan. Ada juga cara rawatan

radiasi yang memerlukan anda minum atau suntikan intravena kedalam badan.

RAWATAN KESAN SAMPING RADIOTHERAPI

Kesan samping pada kesihatan: kebanyakan pesakit tidak mengalami masalah dengan radiotherapi. Ada yang keletihan, selalu dahaga atau terasa panas pada bahagian yang di radiasi. Banyak berehat dan minum air.

Kesan samping pada kulit: Kulit bahagian radiasi mungkin berwarna merah, gatal dan ada kesan terbakar. Kulit menjadi kering mungkin berpeluh terutama bahagian terlipat. Ini mungkin menyakitkan. Berhati-hati semasa mandi. Jangan mengosok atau meletakan ais bahagian tersebut. Gunakan sabun yang kurang soda, dan tidak menggunakan powder, deodorant atau pewangi bahagian tersebut. Guna pakaian yang longgar dan elakkan terdedah pada matahari yang terik.

Kesan samping kepada kepala dan leher: Sebelum rawatan diberi bahagian kepala dan leher, pemeriksaan bahagian gigi akan dibuat. Ini untuk mengelakan masalah akan dating. Pesakit mungkin mengalami kemerahan pada bahagian mulut, gatal dan mulut menjadi kering. Selalu haus, kurang rasa bahagian lidah dan sukar menelan. Mulut tidak dapat dibuka luas dan kurang pendengaran. Senaman khas akan dicadangkan untuk membuka mulut lebih baik.